



Sertai UKM, salah satu daripada Universiti Penyelidikan Utama di Malaysia sebagai Pengarah Yayasan Canselor di Kampus kami di Bangi, Selangor.

## PENGARAH (YAYASAN CANSELOR)

### LATAR BELAKANG :

Yayasan Canselor membantu Naib Canselor untuk membangunkan idea bernes, melaksanakan aktiviti dan perkongsian pintar bagi mewujudkan inovasi dan menguruskan dana yang mampu. Yayasan Canselor bekerjasama dengan pihak industri, agensi kerajaan, NGO dan filantropi untuk menangani masalah sosial, ekonomi, alam sekitar serta lain-lain keperluan masyarakat, negara dan wilayah yang sesuai.

Beberapa bidang yang dibayai oleh dana-dana luar, geran dan sumbangan adalah merupakan hasil daripada penubuhan kursi endowmen bagi bidang kajian nich UKM, penciptaan ilmu untuk manfaat bersama, program-program yang memberi impak kepada masyarakat, sokongan infrastruktur dan pelbagai inisiatif yang menarik.

### TANGGUNGJAWAB :

1. Merancang, menyelaras dan melaksanakan strategi bagi kumpen dan aktiviti penjanaan dana yang efektif daripada pelbagai sumber – industri, agensi kerajaan, yayasan atau filantropi bagi mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Pengurusan Universiti, termasuk:
  - Meramal dan menilai kumpen dan aktiviti penjanaan dana yang berpotensi;
  - Mengenalpasti dan membangunkan prospek penyumbang; dan
  - Mengikuti perkembangan dan peka kepada perubahan sekelling berkait penjanaan dana.
2. Mengurus dan mengoperasikan strategi bagi mencapai sasaran penjanaan dana serta memberikan saranan bagaimana kaedah tersebut dapat diterapkan di institusi.
3. Membangunkan kapasiti kepimpinan penjanaan dana dalam institusi, menghasilkan bahan-bahan atau dokumentasi berkaitan permintaan dana dan melatih kakitangan universiti untuk sentiasa berinisiatif dalam penjanaan dana.
4. Mengurus pentadbiran dengan cekap serta membangunkan mekanisme pelaporan, pemantauan dan dokumentasi yang telus dan jelas bagi aktiviti penjanaan dan pengurusan dana.

### KELAYAKAN :

Calon tersebut hendaklah merupakan individu yang bermatlamat, bermotivasi tinggi, proaktif dan tekun dalam pelaksanaan, mempunyai minat yang tinggi dan berpengalaman dalam bidang kerjasama dan penjanaan dana. Calon juga perlu mempunyai kemahiran pemasaran dan pengorganisasian yang cemerlang dan mahir dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Calon mestilah mempunyai personaliti dan kemahiran komunikasi yang baik bagi mengurus dan membawa pihak-pihak yang relevan bagi tujuan kolaborasi.

- Calon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Dengan Kepujian, Ijazah Profesional, Ijazah Sarjana atau setaraf dalam bidang berkaitan.
- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 7 tahun, sebaik-baiknya dalam sektor korporat atau organisasi berkaitan.

### GAJI DITAWARKAN :

**RM10,000 – RM12,000 (sebulan)**

Taraf jawatan adalah secara kontrak. Pakej ganjaran menarik disediakan berdasarkan kelayakan dan pengalaman calon. Permohonan (resume) perlu dihantar sebelum **16 Mei 2016** ke alamat :

UNIT PERJAWATAN & KENAIKAN PANGKAT  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
JABATAN PENDAFTAR, ARAS 5  
BANGUNAN CANSELORI  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN

Calon yang disenaraikan pendek akan dihubungi untuk temuduga dan calon yang berjaya akan diminta melapor diri secepat mungkin. Jika calon tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan daripada tarikh tutup iklan dianggap tidak berjaya.

